

PENUKARAN KOD DALAM PROSIDING PERBICARAAN KES SIVIL DI MAHKAMAH TINGGI KUALA LUMPUR

*(Code-Switching in Proceedings of Civil Cases at
Kuala Lumpur High Court)*

Hazlin Mohamed
mohamedhazlin@yahoo.com

Maslida Yusof
maslida@ukm.edu.my

Ajid Che Kob
ajidchekob@gmail.com

Pusat Penyelidikan Bitara Melayu,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Abstrak

Kajian ini memfokuskan fenomena komunikasi penukaran kod yang berlaku dalam perbicaraan kes sivil di mahkamah. Kajian ini mengguna pakai data yang diambil melalui rakaman video prosiding perbicaraan kes sivil di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Analisis data berpandukan analisis dan huraian penukaran kod berdasarkan Teo Kok Seng (1996) dan Wong Khek Seng (1991). Kajian ini difokuskan pada komunikasi penukaran kod mengikut tahap, iaitu tahap ayat sisipan, intraayat dan interayat. Rumusan daripada kajian ini didapati ketigatiga penukaran kod berlaku pada tahap ayat. Jenisnya ialah penukaran kod situasi. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan penukaran kod, sama ada secara sedar ataupun tanpa sedar.

Kata kunci: penukaran kod, kes sivil, mahkamah, perbicaraan, bahasa Melayu

Abstract

This study focuses on the phenomenon of code-switching that occurs in civil trials. For the purposes of this study, video recordings of trials at the High Court of Kuala Lumpur were used as data. Data analysis was performed based on the description and analysis of code switching by Teo Kok Seng (1996) and Wong Khek Seng (1991). The researcher focused on three kinds of code switching, that is, insertion, as well as intra- and inter-sentence code-switching. The study reveals that all three types of code-switching occur. The occurrences of code-switching are thus situational. Code-switching is due to several factors, both conscious and unconscious.

Keywords: code-switching, civil suits, court, court proceedings, Malay language

PENGENALAN

Budaya mempelbagai serta mencampur aduk bahasa lain dalam komunikasi diistilahkan sebagai pertukaran kod atau *code switching* dalam ilmu linguistik. Namun ada juga yang menamakannya sebagai peralihan kod, percampuran kod dan bahasa rojak. Menurut Gumperz (1982), “Penukaran kod dalam perbualan dapat ditakrifkan sebagai penyelitan dua sistem atau subsistem nahu yang berbeza dalam sesuatu urutan ujaran (*speech exchange*) yang sama. Lazimnya, peralihan tersebut melibatkan dua ayat secara urutan, dan seseorang penutur akan menggunakan bahasa kedua sama ada untuk mengulangi mesejnya atau untuk membalas pernyataan orang lain”. Menurut Scotton dan Ury (1977), penukaran kod dalam komunikasi ialah “penggunaan dua ragam linguistik atau lebih dalam komunikasi atau interaksi yang sama. Penukaran itu mungkin hanya melibatkan sepatah kata atau pertuturan yang beberapa minit sahaja. Ragam itu pula terdiri daripada dua bahasa yang tidak berhubungan secara genetik, ataupun dua gaya dalam bahasa yang sama”.

Bentuk bahasa yang mencampuradukkan dua atau lebih bahasa dalam komunikasi atau ungkapan atau perbualan sering kedengaran dalam masyarakat kita. Kewujudan bentuk bahasa begini tidak dapat dielakkan kerana masyarakat kita masyarakat dwibahasa. Masyarakat kita mengetahui, menguasai dan menggunakan sekurang-kurangnya dua bahasa, sama ada bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan/atau bahasa etnik masing-masing (Teo, 1996). Penukaran kod dalam komunikasi dalam

kalangan penutur dwibahasa berlaku di seluruh dunia. Lazimnya, penutur dwibahasa menggunakan dua mod bahasa. Mod yang pertama digunakan apabila penutur menggunakan satu bahasa, manakala yang kedua digunakan untuk bertukar daripada satu kod bahasa kepada yang lain (Noor Aina, 1999). Menurut Graddol, 2006 (dalam Christina, 2012), salah satu ciri masyarakat yang menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua ialah penukaran kod bahasa, iaitu penukaran antara bahasa Inggeris dengan bahasa lain yang merupakan perkara yang lazim berlaku walaupun untuk menuturkan satu ayat. Menurut Ali (1987) (dalam Zainur, 2013), fenomena ini sama sekali tidak dapat dielak kerana tuntutan kehidupan manusia berubah dan berkembang.

Gejala penukaran kod dalam komunikasi ini tidak sahaja berlaku dalam kehidupan harian penutur dwibahasa, malah telah menular dalam situasi rasmi prosiding perundangan di negara ini. Memetik kertas ucapan bekas YAA Ketua Hakim Negara yang menyatakan bahawa:

... pada peringkat Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi, penguasaan bahasa Melayu telah dilaksanakan secara bersepadu dan menyeluruh. Namun demikian, pada peringkat Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan, penguasaan bahasa Melayu masih belum menyeluruh. Hanya segelintir pengamal undang-undang memilih untuk berhujah dalam bahasa Melayu. Selebihnya lebih tega memilih untuk bertutur umpama “sekerat belut sekerat ular”.

(Raja Masittah, 2006)

Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan, memperuntukkan bahasa kebangsaan di Malaysia ialah bahasa Melayu. Fasal 4 dan 5, dengan jelas menyatakan peranan bahasa Melayu dalam bidang perundangan. Malangnya dari segi pelaksanaan sebenar, pilihan yang telah dibekalkan oleh Seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 (Pindaan 1990) telah membawa kesan negatif kepada matlamat penerapan bahasa kebangsaan di mahkamah. Ahli Parlimen Tangga Batu, Datuk Idris Haron pernah berkata:

“... pihak terbabit dalam sistem perundangan di mahkamah dikesan menggunakan bahasa Malaysia yang bercampur aduk dengan bahasa Inggeris, sekali gus menyebabkan fungsi bahasa berkenaan seolah-olah tidak dihormati.” Katanya lagi, “ada pengamal undang-undang tidak memahami perkataan dalam bahasa Malaysia, sebaliknya lebih

memahami perkataan dalam bahasa Inggeris. Lebih menyedihkan, terdapat perkataan bahasa Inggeris ‘diMelayukan’ tanpa mematuhi sistem mengadaptasi bahasa Inggeris ke bahasa Malaysia yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka”.

(*Berita Harian*, 13/6/2012)

Kedaaan ini sedemikian kerana bahasa Inggeris merupakan bahasa dunia yang berkeupayaan tinggi dan hal ini membolehkan bahasa tersebut mengalami inovasi dan bergabung dengan dialek lain (Christina, 2012). Situasi ini jelas menunjukkan bahawa meskipun termaktub dasar penguatkuasaan penggunaan bahasa Melayu di mahkamah, namun dari segi pelaksanaannya masih ada pengecualiannya.

SOROTAN KAJIAN

Kajian tentang fenomena komunikasi penukaran kod telah bermula semenjak tahun 1970-an. Kajian yang dilakukan adalah untuk mencari jawapan kepada persoalan mengapa seseorang penutur dwibahasa suka menukar bahasa lain dalam pertuturannya? Menurut Jacobson (1995), arah penyelidikan pada peringkat awalnya adalah bersifat spekulatif. Banyak fokus telah diberikan kepada aspek makna dan matlamat fungsional penukaran kod. Pada hari ini arah penyelidikan telah berubah kepada penyelidikan yang bersifat teoritis. Pengkaji seperti Farid (1987), mengkaji faktor yang terlibat untuk menentukan pemilihan bahasa dalam masyarakat Aun-kunluang di Kedah yang menggunakan bahasa Sam-sam Siam. Pemilihan bahasa didapati dipengaruhi faktor umur, jantina dan juga sosial (misalnya taraf pendidikan). Nik Safiah (1990), melihat komunikasi penukaran kod dalam kalangan wakil rakyat yang berucap dalam persidangan Dewan Rakyat dan beliau mendapati wakil rakyat yang tidak fasih berbahasa Melayu lebih kerap melakukan komunikasi penukaran kod. Kajian Wong (1991), di Rumah Pangsa PKNS Kampung Kerinci, membuktikan komunikasi penukaran kod lebih cenderung dilakukan oleh wanita yang berpendidikan tinggi walaupun penutur lelaki mempunyai latar sosial yang sama. Kajian Teo (1996) pula mengetengahkan jenis komunikasi penukaran kod. Menurut beliau, komunikasi penukaran kod terjadi sama ada secara sedar atau sebaliknya. Komunikasi penukaran kod tanpa sedar akibat kesan daripada fenomena kedwibahasaan, iaitu pengetahuan, penguasaan dan penggunaan dua bahasa yang sudah menjadi

kelaziman seseorang atau sesebuah masyarakat. Komunikasi penukaran kod secara sedar selalunya dilakukan untuk mencapai beberapa tujuan, seperti untuk menyingkirkan atau memasukkan seseorang itu dalam komunikasi yang sedang berlangsung.

Pengkaji luar negara banyak membuat kajian tentang komunikasi penukaran kod setelah bidang ini berkembang dan menjadi subbidang yang penting dalam dunia kebahasaan. Kajian Marasigan (1981), di Filipina, mendapati masyarakat Filipina cenderung menggunakan bahasa Filipina yang ekspresif. Marasigan dalam kajiannya melihat faktor sosial budaya dan faktor individu yang mempengaruhi komunikasi penukaran kod. Menurut Jacobson (1993), komunikasi penukaran kod melibatkan dua bahasa yang tidak mempunyai hubungan kait dari segi genetik. Dalam kajiannya, Jacobson menemukan bahawa komunikasi penukaran kod tahap ayat berlaku dalam dua keadaan, iaitu penukaran kod dalam satu ayat, yang juga disebut penukaran kod intraayat dan penukaran kod antara ayat yang dikenali sebagai penukaran kod interayat. Rata-rata kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu dalam situasi tidak formal. Amat kurang kajian terhadap komunikasi penukaran kod dilakukan dalam bidang perundangan dan situasi formal yang melibatkan pengamal undang-undang. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk meneliti penukaran kod, jika ada, dalam situasi formal berdasarkan data yang tulen bidang perundangan, iaitu dalam prosiding perbicaraan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

METODOLOGI

Kajian secara deskriptif ini menggunakan dua jenis data, iaitu data sekunder dan data primer. Kaedah penyelidikan yang diguna pakai ialah kaedah kepustakaan. Data sekunder diperoleh melalui kajian terhadap dokumen dan juga rekod terdahulu, seperti jurnal, buku, dan majalah. Penyelidikan kepustakaan merupakan kaedah untuk mendapatkan data daripada dokumen, rekod, kajian masa lalu dan keterangan lain yang relevan dengan pengkajian yang dibuat (Mohd Shafie, 1995).

Bagi mendapatkan data primer, dengan kebenaran yang diperoleh daripada Ketua Hakim Negara, pengkaji telah meneliti empat rakaman video prosiding perbicaraan kes sivil yang direkodkan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Empat kes tersebut ialah kes bernombor : (i) D7-22-1352-2006, (ii) S22-476-2003, (iii) S22-800-2008 dan (iv) S22-407-2006. Kes ini telah ditranskripsikan dalam bentuk teks. Melalui transkrip teks

tersebut, komunikasi penukaran kod telah dikeluarkan, sama ada berlaku pada tahap ayat sisipan, interayat dan intraayat. Proses penganalisan data amat penting dalam sesuatu pengkajian. Keseluruhan prosiding dari mula hingga tamat diteliti dan perincian dibuat terhadap aspek komunikasi penukaran kod yang digunakan dalam prosiding perbicaraan berkenaan. Kesemua data yang lengkap diproses dan dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik perihalan (deskriptif).

Penukaran Kod

Menurut Appel dan Muysken (1987), penukaran kod boleh digolongkan kepada tiga kategori. Pertama, komunikasi penukaran kod sisipan atau tempelan yang melibatkan unsur yang disisip atau ditempelkan, sama ada pada awal ataupun akhir perbualan seseorang. Sebagai contoh: “Kita akan lawan habis-habisan, *ok?*” Kedua, melibatkan komunikasi penukaran kod yang berlaku dalam satu ayat. Sebagai contoh, perhatikan ayat ini: “*I call kakak Lokman tapi dia dah keluar*”. Ketiga, penukaran kod yang melibatkan penukaran berlaku antara ayat. Contoh: “Hujung tahun nanti apabila saya lapang sikit, *I will try to cut an album. This time, the songs will come from all types of music*”.

Bahagian ini memaparkan secara mendalam tentang dapatan kajian terhadap fenomena penukaran kod dalam prosiding perbicaraan kes sivil di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur berdasarkan spesifikasi metodologi yang dibentangkan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Penukaran Kod Tahap Ayat

Penukaran kod tahap ayat ini dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu (i) komunikasi penukaran kod tahap ayat sisipan atau tempelan, (ii) komunikasi penukaran kod interayat dan (iii) komunikasi penukaran kod intraayat. Pecahan tersebut dipaparkan seperti dalam Jadual 1. Penukaran kod tahap interayat paling tinggi wujud dalam keempat-empat prosiding perbicaraan kes sivil tersebut.

Jadual 1 Kekeperapan tahap penukaran kod tahap ayat sisipan, “interayat” dan “intraayat” bagi keempat-empat kes sivil (i) S22-1352-2006, (ii) S22-476-2003, (iii) S22 -800-2008 dan (iv) S22-407-2006.

Tahap Ayat	Kekeperapan	Peratusan (%)
sisipan	21	11.86
interayat	92	51.98
intraayat	64	36.16
Jumlah	177	100

Penukaran Kod Tahap Ayat – Sisipan

Jadual 1 menunjukkan penukaran kod tahap ayat sisipan, berlaku dalam keempat-empat kes sivil tersebut. Kekeperapannya berjumlah 21, iaitu bersamaan 11.86 peratus. Peratusannya amat rendah jika dibandingkan dengan penukaran kod tahap interayat dan intraayat yang masing-masing berjumlah 51.98 peratus dan 36.16 peratus.

Penukaran Kod Tahap Intraayat

Penukaran kod intraayat merujuk penukaran bahasa daripada satu bahasa kepada satu bahasa dalam ayat yang sama (Myers-Scotton,1993). Sehubungan dengan itu, dalam jenis penukaran ini, ayat yang sama akan mengandungi dua atau lebih bahasa. Berdasarkan Jadual 1, didapati penukaran kod tahap ayat intraayat begitu dominan sekali semasa prosiding perbicaraan dijalankan. Kekeperapan penukaran kod berjumlah 92 ayat bersamaan 51.98 peratus. Daripada dapatan ini jelas menunjukkan bahawa fenomena penukaran kod tahap interayat adalah tinggi jika dibandingkan dengan penukaran kod tahap sisipan dalam ayat.

Penukaran Kod Tahap Interayat

Dalam penukaran kod interayat, penutur menukar bahasanya daripada satu bahasa kepada satu bahasa yang lain dalam ayat yang berbeza. Apabila pertuturan seseorang individu dicerakinkan kepada ayat, satu

Jadual 2 Contoh penukaran kod tahap ayat sisipan: (i) prosiding perbicaraan dalam bahasa Inggeris.

Bil.	S22-1352-2006 (lampiran “A”)	S22-476-2003 (lampiran “B”)
1.	<i>Ya</i> (hlm. 19)	<i>Ya, and confirm whether...</i> (hlm. 2)
2.	<i>Agreekan</i> (hlm. 62)	<i>Yes, bersama...</i> (hlm. 1)

Jadual 3 Contoh penukaran kod tahap ayat sisipan: (ii) prosiding perbicaraan dalam bahasa Melayu.

Bil.	S22-800-2008 (lampiran “C”)	S22-407-2006 (lampiran “D”)
1.	<i>Ok, sorry</i> (hlm. 2)	Maksudnya, <i>qualified</i> lah (hlm. 8)
2.	<i>Clerk di kaunterlah ...</i> (hlm. 13)	-

Jadual 4 Contoh penukaran kod tahap intraayat: (i) prosiding perbicaraan dalam bahasa Inggeris.

Bil.	S22-1352-2006 (lampiran “A”)	S22-476-2003 (lampiran “B”)
1.	All this can be done in the submission, <i>Yang Arif</i> (hlm. 26)	Both pages <i>satu dan dua Yang Arif...</i> (hlm. 3)
2.	10. a.m. <i>ya</i> for oral submission. (hlm. 62)	Medication <i>apa?</i> (hlm. 11)

ayat merupakan pengujaran satu bahasa, manakala satu ayat yang lain disampaikan dalam satu bahasa yang berbeza sepenuhnya (Myers-Scotton, 1993).

Dengan perkataan lain, penukaran kod tahap interayat berlaku daripada satu ayat yang kemudiannya menganjak kepada ayat yang lain. Berdasarkan Jadual 1, kekerapan penukaran kod tahap interayat menduduki

Jadual 5 Contoh penukaran kod tahap intraayat: (ii) prosiding perbicaraan dalam bahasa Melayu.

Bil.	S22-800-2008 (lampiran “C”)	S22-407-2006 (lampiran “D”)
1.	Ikatan Dokumen Tambahan <i>Defendant not in the court’s file.</i> (hlm. 1)	<i>The boss that you</i> melapor kepada ... (hlm. 4)
2.	<i>The meaning of ...</i> penyalahangunaan proses mahkamah. (hlm. 5)	<i>My lady,</i> mohon dokumen ini ditandakan, <i>from page 583 to page 595, Bundle C.</i> (hlm. 2)

Jadual 6 Contoh penukaran kod tahap interayat: (i) prosiding perbicaraan dalam bahasa Inggeris.

Bil.	S22-1352-2006 (lampiran “A”)	S22-476-2003 (lampiran “B”)
1.	Obviously he would not agreekan. <i>Tak payah tanyalah.</i> (hlm. 62)	Overdose of his own medication. <i>Pesakit punya ...</i> (hlm. 5)
2.	Yes, it is very short. <i>Tak banyak.</i> (hlm. 69)	<i>Ya, adalah dianggap paling tinggi untuk pesakit di Malaysia.</i> The average dose is about 20mg. (hlm. 12)

Jadual 7 Contoh penukaran kod tahap interayat: (ii) prosiding perbicaraan dalam bahasa Melayu.

Bil.	S22-800-2008 (lampiran “C”)	S22-407-2006 (lampiran “D”)
1.	Dokumen ini dicetak oleh Defendan. <i>This is normal process.</i> (hlm. 2)	<i>The nearest boss.</i> Bos terdekat di ibu pejabat Anak Bukit. (hlm. 4)
2.	<i>That’s all ,</i> Yang Arif. <i>No further question.</i> Mohon saksi dilepaskan. (hlm. 1)	Setuju ya. <i>Agreed with me?</i> (hlm. 8)

tempat kedua, iaitu berjumlah 64 kali bersamaan dengan 36.16 peratus. Dapatan ini menunjukkan bahawa penukaran kod tahap intraayat dan interayat merupakan penukaran kod yang kerap berlaku semasa keempat-empat prosiding perbicaraan dijalankan. Jadual 6 dan 7 memaparkan contoh penukaran kod tahap interayat.

Sebab-sebab Penukaran Kod

Berbagai-bagai pendapat telah diberikan oleh pengkaji yang terdahulu tentang sebab-sebab berlakunya penukaran kod. Daripada pengamatan pengkaji dengan menggunakan kaedah pemerhatian terhadap rakaman audio (cakera padat) prosiding perbicaraan keempat-empat kes sivil yang terlibat dalam kajian ini, terdapat beberapa sebab utama mengapa penukaran kod berlaku. Dapatan dalam kajian ini agak sedikit berbeza daripada dapatan atau sebab-sebab yang telah diberikan oleh Teo Kok Seong (1996), Noor Aina (1995) dan Wong Khek Seng (1991).

Penukaran Kod Sedar

(i) Keselesaan Saksi

Berdasarkan rakaman audio, penukaran kod secara sedar memang wujud dalam prosiding perbicaraan di mahkamah. Sebab yang utama adalah disebabkan kewujudan saksi dalam prosiding perbicaraan berkenaan. Rata-rata, meskipun prosiding perbicaraan dijalankan dalam bahasa Inggeris, namun sekiranya saksi yang memberikan keterangan adalah terdiri daripada penutur keturunan Melayu, maka penukaran kod kepada bahasa Melayu akan dilakukan dan saksi berkenaan memberikan keterangan dalam bahasa Melayu. Begitulah sebaliknya. Atau dengan maksud yang mudah, saksi diberi pilihan memberikan keterangan menggunakan bahasa yang dikuasainya. Keadaan ini jelas dalam dua (2) prosiding perbicaraan yang dijalankan, iaitu dalam kes No.,S22-476-2003 dan kes no. S22-1352-2006. Misalnya dalam prosiding perbicaraan kes no. S22-476-2003 yang dikendalikan dalam bahasa Inggeris, seorang doktor pakar psikiatri keturunan Melayu secara keseluruhan memberikan keterangan dalam bahasa Melayu meskipun terdapat sedikit penukaran kod dalam keterangan beliau.

Contoh 1: [Kes No : S22-476-2003] (Prosiding perbicaraan dalam bahasa Inggeris)

HAKIM: His report is sufficient.

P. DEFENDAN: *Yang Arif*, his report is based on other reports.

HAKIM: His report is sufficient. He is a consultant there. Consultant at UM.

P. DEFENDAN: *Ya, Yang Arif*, the patient actually diagnosis by the MO.

The MO should give evidence. I'm not saying the Prof. is lying. I just say that need the original report to see what have written.

HAKIM: It was a summary.

SAKSI PLT 2: *Yang Arif*, bukan saja summary but is was a details reports of what exactly happening on the patient.

HAKIM: Hold on, hold on.

SAKSI PLT 2: *Yang Arif*, apa yang biasa dibuat the report is sufficient, kecuali dalam kes-kes jenayah *Yang Arif*.

Contoh 2: [Kes No : S22-476-2003]

P.PLAINTIF: Dr. Wai, you testify just now, that you never seen him. But you seen him so many time at outside.

SAKSI PLT 1: Yes, Yes.

HAKIM: You had seen Wong Kim Chong at your clinic.

SAKSI PLT 1: Yes, for other occasions.

P. PLAINTIF: And just explain to the court what other occasions.

HAKIM: Other occasions? *Untuk apa?*

SAKSI PLT 1: This occasions that he just came to my clinic for other elements. I have his medical card, but I didn't bring.

HAKIM: Ohhh.. Oh, where is the card.

SAKSI PLT 1: Sorry I did not bring.

P. PLAINTIF: He didn't bring the medical card, Mr. Lady.

HAKIM: Oh , you didn't bring. It means he did seen you for other elements.

SAKSI PLT 1: Yes, yes.

HAKIM: Not for his psycho?

SAKSI PLT 1: Oh no, no.

P. PLAINTIF: Dr. Wai, you say that he came to you clinic for other elements, did he know that he have this psycho problem?

P. DEFENDAN: Objection, My Lady.

HAKIM: I will allowed.

P. PLAINTIF: You say just know that he came for other occasions, from those occasions can you enable to know that he have psycho problem.

SAKSI PLT 1: Definitely.

P.PLAINTIF: *Yang Arif, itu saja soalan saya. Mohon saksi dilepaskan.*

SAKSI PLT 1: *Yang Arif, thank you.*

Saksi Plaintiff 1 dalam contoh 2 seorang doktor berketurunan Cina dan beliau memilih memberikan keterangan dalam bahasa Inggeris dalam prosiding perbicaraan kes berkenaan. Saksi Plaintiff 2 juga seorang doktor berketurunan Melayu dan memilih memberikan keterangan dalam bahasa Melayu dalam prosiding yang sama. Meskipun kedua-duanya doktor, mereka lebih selesa menggunakan bahasa yang mereka kuasai ketika memberikan keterangan sebagai saksi dalam prosiding perbicaraan berkenaan.

(ii) Tiada Unsur Menyingkirkan/Memasukkan

Penukaran kod dengan tujuan menyingkirkan seseorang daripada sesuatu kumpulan yang sedang berbual atau memasukkan seseorang dalam

kumpulan adalah normal. Walau bagaimanapun, semasa prosiding perbicaraan berlangsung situasi “menyingkirkan” atau “memasukkan” tidak berlaku sama sekali. Setiap orang yang ada di kamar perbicaraan di mahkamah terlibat secara langsung, dan diberikan kebenaran untuk melakukan ujaran apabila diminta untuk berbuat demikian. Maka, tidak timbul isu untuk memasukkan atau menyingkirkan seseorang dalam perbualan atau dalam prosiding perbicaraan.

(iii) Penegasan Maksud

Seperti kajian yang lepas, penelitian ini mendapati satu daripada sebab berlakunya penukaran kod adalah untuk menegaskan maksud yang hendak disampaikan oleh penutur. Keadaan ini didapati wujud seperti dalam contoh berikut.

Contoh : [Kes No : S22-407-2006 (hlm. 4)] (Prosiding perbicaraan dalam bahasa Melayu)

P. DEFENDAN: Ramai? Dan pegawai Encik Ismail melapor kepada juga tempat di sana?

SAKSI: Dia di ibu pejabat Kuala Lumpur.

P. DEFENDAN: *The boss* that you melapor kepada ...

Penukaran Kod Tanpa Sedar

(i) Peralihan emosi

Berada di kamar mahkamah bukanlah satu senario yang menggembirakan apatah lagi sekiranya seseorang itu sedang bertikam lidah dan bersoal jawab dengan saksi, di hadapan hakim yang sedang mempertimbangkan fakta dari segi perundangan. Kewujudan perasaan marah dalam diri seseorang boleh menyebabkan penukaran kod berlaku. Misalnya, peguam yang terlibat dalam prosiding perbicaraan menyoal saksi dalam bahasa Melayu, tetapi disebabkan permintaan atau cadangannya tidak dipersetujui oleh hakim, peguam berkenaan berada dalam keadaan marah lantas menukar bahasanya kepada bahasa Inggeris. Situasi tersebut amat jelas jika diperhatikan di dalam rakaman audio prosiding perbicaraan kes berkenaan dirakamkan.

Contoh : [Kes No : S22-476-2003 (hlm. 12-13) (Prosiding perbicaraan dalam bahasa Inggeris)

HAKIM: Yes, Ms Tan.

P.DEFENDAN: *Prof., tadi Prof. ada rujuk pada dokumen ini. Yang Arif, we already asked for the documents, but if was not given. So we ask the Prof. to provide us with the documents that he referring, because our stand is that the report are hearsay, because, the Prof. had copied from other report. We would like to have the original.*

HAKIM: Which report, prepared by your MO.

SAKSI PLT 2: *Laporan Perubatan Yang Arif, I'm the one prepared. Pada masa tu my MO dah lulus, graduated.*

P. DEFENDAN: *Graduated ya. Yang Arif, we need the original to see what the MO written in that report. To see what...*

HAKIM: His report is sufficient.

P.DEFENDAN: *Yang Arif, his report is based on other reports.*

HAKIM: His reports is sufficient. He is a consultant there. Consultant at UM.

P.DEFENDAN : *Ya, Yang Arif, the patient actually diagnosis by the MO. The MO should give evidence. I m not saying the Prof. is lying, I just say that need the original report to see what have written.*

HAKIM: It was a summary.

SAKSI PLT 2: *Yang Arif, bukan saja summary but it was a details report of what exactly happening on the patient.*

Dalam contoh ini, peguam defendan marah apabila hakim tidak bersetuju dengan beliau, terutamanya ketika hakim mengungkapkan “*His report is sufficient*”. Pada awalnya peguam defendan berbahasa Melayu, “*Yang Arif, his report is based on other reports*”, kemudiannya menyambung ayatnya dalam bahasa Inggeris, begitu juga dengan dialog berikut:

P.DEFENDAN: Ya, Yang Arif, *the patient actually diagnosis by the MO. The MO should give evidence. I m not saying the Prof. is lying, I just say that need the original report to see what have written.*

HAKIM: *It was a summary.*

Apabila diperhatikan rakaman audio prosiding perbicaraan kes ini, mimik wajah peguam defendan semasa berinteraksi dengan hakim jelas menunjukkan beliau berada dalam keadaan marah dan tidak berpuas hati dengan pernyataan yang dikeluarkan oleh hakim. Malah intonasi suaranya juga agak tinggi. Berdasarkan dialog di atas, jelas menunjukkan bahawa penukaran kod itu memang boleh berlaku apabila seseorang itu berada dalam keadaan marah. Didapati bahawa penutur dwibahasa, ketika berhadapan dengan emosi yang amat sangat, misalnya ketika kemarahan yang tidak terkawal, biasanya menukar tanpa disedarinya, daripada suatu bahasa kepada bahasa yang lebih dikuasainya (Teo, 1996).

(ii) Penyambung bahasa terakhir

Menurut Teo (1996), sering kali juga, penukaran kod berlaku kerana “dicituskan” oleh bahasa terakhir yang digunakan dalam sesuatu perbualan itu. Secara tidak sedar penutur dwibahasa itu berkemungkinan besar meneruskan perbualan selanjutnya dalam bahasa yang terakhir digunakan dalam perbualan. Hal ini memang tidak dinafikan. Situasi ini juga berlaku dalam prosiding perbicaraan kes berkaitan dengan kajian ini. Sering kali bahasa yang terakhir yang diujarkan akan disambung dengan bahasa yang sama oleh pihak yang satu lagi. Lebih mudah lagi untuk difahami, sekiranya dua orang sedang berbual, iaitu A dan B, dan mereka menggunakan bahasa Melayu dalam perbualan. Semasa A membuat ujaran dan pada akhir ujarannya, dia menggunakan bahasa Inggeris, pada kebiasaannya pihak B akan menyambut perbualan dengan ujaran dalam bahasa Inggeris juga. Senario ini juga jelas kelihatan dalam prosiding perbicaraan kes yang dikaji dalam kajian ini.

Contoh : [Kes No : S22-476-2003 (hlm.13)] (Prosiding perbicaraan dalam bahasa Inggeris)

SAKSI PLT 2: *Ini bukan kes jenayah.*

HAKIM: *Itu la ...*

P. DEFENDAN: *Yang Arif*, I still humbly asking for the original report to be given to us to look at. Otherwise...

HAKIM: His report based on the MO report. It is sufficient. He is head of the department of psychiatric. I will over rules the objection, Ms Tan. The medical report is more then sufficient.

P.DEFENDANT: I still reserved the question for other matter. *Bolehkah Prof. nyatakan dengan terang bahawa semua pesakit "cronic zimeponea" tidak boleh berfungsi normal.*

Contoh ini menunjukkan bahawa bahasa terakhir yang digunakan dapat mempengaruhi penukaran kod. Selepas hakim berkata "itu la..". Peguam defendan menyambung "Yang Arif, ..." dan ujaran akhirnya dilafazkan dalam bahasa Inggeris, "Otherwise ..." dan kemudiannya hakim membalas ujaran peguam defendan dalam bahasa Inggeris "His report ...".

(iii) Kurang penguasaan kosa kata

Penukaran kod tanpa sedar ini berlaku kerana penutur kurang menguasai kosa kata bahasa yang digunakan semasa bertutur sehinggakan tidak dapat mencari perkataan yang sesuai untuk meneruskan percakapan tentang sesuatu topik. Untuk memenuhi kekosongan tersebut, dalam kebanyakan kes, padanan perkataan berkenaan dalam bahasa yang lebih dikuasainya akan muncul tanpa disedari. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat terhadap rakaman audio, keadaan ini juga wujud dalam prosiding perbicaraan kes yang dikaji.

Contoh : [Kes No : S22-800-2008 (hlm. 3)] (Prosiding perbicaraan dalam bahasa Melayu)

P. DEFENDAN: Seterusnya, saya rujuk Encik Kamaruddin di soalan no. 10. Yang mana soalan tambahan, sila rujuk muka surat 111 Ikatan Dokumen yang Dipersetujui. Muka surat 111 telah ditandakan sebagai D7. Saya juga ingin menguatkan lagi bahawa dokumen ini adalah *produce... produce, computer generated*. Saya ada sijil bawah Seksyen 90 Yang Arif.Saya nak rujuk kepada Encik Kamaruddin.

HAKIM: Soalan tambahan?

P. DEFENDAN : Soalan tambahan Yang Arif. Soalan tambahan saya, Encik Kamaruddin, adakah dokumen muka surat 111 adalah cetakan komputer Defendan?

Jika diperhatikan dialog di atas, jelas peguam cara defendan telah gagal untuk mencari perkataan yang sesuai, iaitu “dijana” atau “dicetak oleh komputer”, lantas menukar kod tanpa sedar dengan menggunakan perkataan “*produce, computer generated*”. Penukaran begini telah menjadi suatu kebiasaan bagi masyarakat dwibahasa. Dalam rakaman audio prosiding, gelagat peguam defendan dengan mengangkat dan menggoyang-goyangkan dokumen di tangan buat beberapa ketika sambil mengulangi perkataan “*produce...produce*” menunjukkan beliau cuba “mencari” istilah yang sesuai untuk digunakan, tetapi beliau telah gagal, lantas terus menggunakan “*produce...produce, computer generated*”. Sedangkan perkataan berkenaan boleh diistilahkan atau digantikan dengan “dicetak oleh komputer” atau cetakan komputer sahaja.

(iv) Kurang Nilai Jati Diri

Sebab-sebab penukaran kod yang lain dalam prosiding perbicaraan kes sivil disebutkan di atas melalui pengalaman dan pengamatan pengkaji sendiri, yang telah hampir 26 tahun dalam perundangan, mendapati kurangnya jati diri atau lebih tepat lagi kurangnya rasa cinta akan bahasa Melayu juga merupakan sebab utama penukaran kod ini berlaku. Pada hari ini rata-rata orang lebih selesa bertutur dalam bahasa Inggeris. Seperti contoh di bawah, hakim yang bersidang semasa prosiding perbicaraan berlangsung berketurunan Melayu.

Contoh : [Kes No : 22-1352-2006 (m/surat 00076)]

W: I am not sure.

ZA: *Tidak pasti?*

W: *Tidak pasti.*

ZA: Jadi, Mr Wong, surat yang dikemukakan oleh sahabat saya tadi.....

Hakim: He took his oath in English , you know? So you have to ask your question in English.

Apabila Peguam ZA menyoal saksi dalam bahasa Melayu, hakim dengan segera menegur peguam berkenaan dan mengingatkan “*He took his oath in English, you know? So you have to ask your question in English*”. Sebenarnya keadaan ini tidak memudaratkan mana-mana pihak kerana semua rakyat Malaysia faham dan boleh bertutur dalam bahasa Melayu, malahan bahasa Melayu bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Mengapa keadaan ini berlaku? Hal ini berlaku kerana kurang rasa cinta akan bahasa sendiri. Seperti contoh di atas, hakim yang bersidang berketurunan Melayu, dan anak jati Malaysia. Berusia lebih kurang 53 tahun dan berkelulusan luar negara tetapi dilahirkan dan dibesarkan di Malaysia dan telah bertugas di Malaysia hampir 28 tahun. Secara logiknya beliau tidak akan menghadapi masalah untuk mengendalikan prosiding perbicaraan dalam bahasa Melayu. Memetik tulisan Kunta Kinte, “Dalam era kononnya bebas, tulus dan demokratik ini, ramai orang Malaysia malu mengaku mereka nasionalis atau bersemangat kebangsaan. Malah, semangat kebangsaan dikaitkan dengan sikap melampau atau perkauman. Lagi berpelajaran dan lagi kaya, lagi mereka tidak mepedulikan nasionalisme dan patriotisme” (*Berita Harian*, 15 Jun 2012).

CADANGAN UNTUK MENAMBAH BAIK PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DALAM BIDANG PERUNDANGAN

Walaupun setelah 58 tahun mencapai kemerdekaan, bahasa Melayu masih gagal menjadi bahasa perundangan sepenuhnya dalam mahkamah di negara ini. Mengapakan keadaan sedemikian berlaku? Walhal beberapa arahan tentang penggunaan bahasa Melayu dalam perbicaraan di mahkamah telah dikeluarkan sejak tahun 1969 oleh Peguam Negara, Tan Sir Abdul Kadir Yusof dan pada tahun 1973 oleh Peguam Cara Negara, Tun Salleh Abas. Sehingga hari ini pun, ditinjau dari segi keupayaan berbahasa Melayu, didapati sebilangan besar golongan kehakiman dan guaman masih belum berupaya menggunakan bahasa Melayu di mahkamah secara berkesan, selain penggunaan bahasa yang dicampuradukkan.

Kewujudan fenomena komunikasi sedemikian rupa membuktikan terdapatnya beberapa persoalan atau permasalahan yang menjadi kekangan atau kegagalan penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya dalam prosiding perbicaraan di mahkamah selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan bahasa Melayu bahasa utama dalam bidang perundangan dan kehakiman di negara ini. Permasalahan ini harus diberikan perhatian oleh semua pihak bagi agar impian kerajaan untuk memartabatkan bahasa

Melayu dalam bidang eksklusif ini menjadi kenyataan. Sememangnya tidak dinafikan beberapa langkah telah dibuat untuk menjayakan hasrat untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa utama bidang kehakiman dan perundangan. Walau bagaimanapun, langkah-langkah yang lebih padu dan menyeluruh amat diperlukan, secara ringkasnya seperti yang berikut:

(i) Pelaksanaan Dasar dan Akta

Seharusnya Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dijadikan teras dalam usaha menjayakan segala dasar yang digubal oleh pihak kerajaan, termasuklah yang berkaitan dengan penggunaan bahasa dalam sistem pendidikan, perundangan, dan pentadbiran negara.

Akta Bahasa Kebangsaan harus dinilai semula terutamanya Seksyen 8 kerana peruntukan ini seolah-olah menjadi kekangan pelaksanaan dasar yang telah digubal oleh pihak kerajaan.

(ii) Dasar Penggunaan Bahasa Melayu dalam Sektor Swasta (Firma Guaman) dan Perbankan

Sektor swasta terutamanya firma guaman dan perbankan amat berkait rapat dengan bidang perundangan. Contohnya dalam penyediaan dokumen perundangan, perjanjian jual beli, perjanjian pinjaman dan sebagainya. Kedua-dua sektor tersebut masih menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama dalam semua dokumen dan urusan niaga mereka. Maka suatu dasar harus dibentuk agar penggunaan bahasa Melayu diutamakan supaya dapat diselaraskan dengan keperluan perundangan di negara ini.

(iii) Dasar Pelaksanaan Bahasa Melayu dalam Pendidikan Undang-undang

Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQR), setakat 25 Ogos 2015, terdapat 32 buah Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) di seluruh Malaysia. Setakat 31 Januari 2015 terdapat sejumlah 510 buah Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang berdaftar (sumber: Jabatan Pendidikan Tinggi Malaysia). Walau bagaimanapun, tidak semua IPTA dan IPTS menyediakan program undang-undang. Sungguhpun begitu golongan pelajar yang mengikuti program undang-undang tidak seramai berbanding dengan bilangan golongan yang mendapat kelulusan undang-undang dari luar negara. Oleh itu, langkah sewajarnya yang perlu diambil untuk menambahkan bilangan

kemasukan pelajar ke fakulti undang-undang Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan. IPT tempatan yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar sepenuhnya untuk fakulti undang-undang harus dikaji semula. Jika direnungkan kembali, lulusan luar negara kembali dengan berbahasa Inggeris, dan yang di dalam negara juga berbahasa Inggeris, siapakah pula yang akan berbahasa Melayu?

(iv) Kerjasama daripada Majlis Peguam

Majlis Peguam atau lebih dikenali sebagai “Bar Council”, merupakan sebuah badan yang menjadi penaung tunggal kepada pengamal undang-undang di negara ini, malah kelulusan untuk menjadi pengamal undang-undang juga dikeluarkan oleh Majlis Peguam. Maka Majlis Peguam haruslah merangka satu dasar terhadap pengamal undang-undang agar memberikan keutamaan penggunaan bahasa Melayu semasa mengendalikan prosiding perbicaraan di Mahkamah. Di samping itu, bimbingan dalam bentuk kelas pengajian bahasa Melayu khasnya kepada pengamal undang-undang lepasan universiti luar negara wajar diadakan secara berterusan.

(v) Kerjasama daripada pengamal undang-undang

“Bahasa jiwa bangsa”, tertanamkah tiga perkataan tersebut di jiwa setiap masyarakat Malaysia khususnya pengamal undang-undang di negara ini? Semangat jati diri, kecintaan kepada bahasa sendiri harus ditanamkan di dalam jiwa. Bahasa Melayu tiada ada kurangnya jika dibandingkan dengan bahasa lain. Kalau bahasa yang lain pernah diangkat sebagai *lingua franca*, bahasa Melayu juga pernah dijulang sebegitu. Mengapa harus dipencilkan bahasa Melayu di Tanah Melayu sendiri. Hal ini amat menyedihkan. Sekiranya sikap terlalu mengagumkan bahasa lain tidak dikikis daripada hati sendiri maka sampai bila-bila pun bahasa Melayu akan menjadi bahasa yang “melukut di tepi gantang”. Sikap dan keyakinan merupakan nilai yang penting bagi seorang pengamal undang-undang untuk menggunakan bahasa Melayu.

KESIMPULAN

Melalui kajian ini kesimpulan yang boleh dibuat ialah fenomena penukaran kod wujud dalam prosiding perbicaraan di mahkamah di Malaysia. Malah dapat dibuktikan bahawa prosiding perbicaraan yang dijalankan bahasa

Melayu lebih banyak berlaku penukaran kod. Penukaran kod berlaku secara sedar dan juga secara tidak sedar. Penukaran kod secara sedar mengikut keselesaan saksi, dan juga penegasan maksud. Didapati tiada unsur menyingkirkan atau memasukkan dalam penelitian ini kerana di mahkamah setiap orang yang terlibat diberi peluang untuk bercakap.

Penukaran kod secara tidak sedar pula berlaku dengan peralihan emosi contohnya dalam kajian ini peguam defendan melakukan penukaran kod apabila berasa marah. Selain itu kajian ini juga mendapati penukaran kod berlaku apabila penutur menyambung dalam bahasa yang sama dengan penutur sebelumnya. Didapati juga penukaran kod secara tidak sedar berlaku kerana kurangnya penguasaan dari segi kosa kata oleh pengamal undang-undang. Daripada pengamatan juga didapati kurangnya jati diri dalam mengamalkan bahasa kebangsaan dengan baik menyumbang kepada gejala penukaran kod.

Usaha memperkasakan bahasa Melayu melalui undang-undang adalah penting. Walau bagaimanapun, perkara yang lebih penting ialah sikap dan dasar yang konsisten. Bahasa, seperti juga agama, bukanlah sesuatu yang harus dipaksa. Dalam usaha menjayakan matlamat untuk mengangkat martabat bahasa Melayu dalam bidang perundangan dan meninggalkan bahasa yang lain, khususnya bahasa Inggeris, kesemua pihak harus bekerjasama dan saling membantu. Nescaya, bahasa Melayu akan menjadi suatu bahasa yang tinggi nilainya dalam konteks memperjuangkan keadilan dalam sistem perundangan di negara ini.

RUJUKAN

- Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 (Pindaan 1990)
- Appel, R dan Muysken, P, 1987. *Language Contact and Bilingualism*. London : Edward Arnold.
- “Daulatkan bahasa: Cuba Jangan Tidak” dlm. Ruangan Kunta Kinte Original *Berita Harian* 15 Jun 2012, hlm. 6.
- Christina Ong Sook Beng dan Yuen Chee Keong, 2012. “Peminjaman Leksikal dalam Blog Bahasa Inggeris Remaja Malaysia” dlm. *Jurnal Komunikasi. Malaysian Journal of Communication* 28:1, hlm. 137-50 2012.
- Gumperz, J, 1982. *Discourse Strategies*, Cambridge: Cambridge University Press
- Farid M.Onn, Ajid Che Kob dan Ramli Salleh, 1987. Penukaran Kod dan Refleksi Sosial dalam Masyarakat Melayu, Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- “Kerajaan Harus Teliti Penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah” dlm. *Berita Harian*, 13 Jun 2012, hlm. 4.

- Marasigan, E, 1983. *Code-switching and Code-mixing in Multilingual Societies*. Singapore: Singapore Limited Press
- Mohd Shafie Abu Bakar, 1995. *Metodologi Penyelidikan*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Myers-Scotton, C., 1993. *Duelling Languages*. Oxford : Oxford University Press.
- Nik Safiah Karim, 1990. *Beberapa permasalahan sosiolinguistik Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Aina Dani, "Sistem antarbahasa dalam Pemerolehana Bahasa Kedua" dlm. *Dewan Bahasa* 40:10, hlm. 990-95, 1996.
- Noor Aina Dani, "Percampuran Kod dan Konsepnya" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 43:3, hlm. 196-204, 1999.
- Perlembagaan Persekutuan.
- Raja Masittah Raja Ariffin, 2006. *Bahasa Melayu di Mahkamah: Tercapaiakah Keadilan?* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Rodolfo Jacobson, "Penyatuan dan Kontras dalam Alternasi antara Dua Bahasa yang Berbeza dari Segi Genetik: Penukaran Kod Bahasa Melayu-Inggeris" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* 1993.
- Scotton, C.M., & Ury, W. 1977. "Bilingual Strategies: The Social Functions of Code Switching" dlm. *Linguistics*, 193, hlm. 5-20, 1997.
- Teo Kok Seong, 1996. Penukaran koda dalam bahasa: satu fenomena kedwibahasaan dlm. *Pelita Bahasa* hlm. 41-43, Mei 1996.
- Wong Khok Seng. 1991. Penukaran kod dalam perbualan. *Jurnal Dewan Bahasa*. Disember: 1052- 1061.
- Zainur Rijal Bin Abdul Razak, 2013. "Media Akhbar dan Penggunaan Bahasa Arab Standard Moden" dlm. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* 29:2, hlm. 107-24, 2013.

Diperoleh (*received*): 28 Jun 2016

Diterima (*accepted*): 26 Ogos 2016